

Headline	Isteri gigit telinga suami minta maaf		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Mahkamah & Jenayah	Circulation	60,000
Page No	12	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,023
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,069



Isteri gigit telinga suami minta maaf

KUALALUMPUR—Wanita warga Vietnam yang didakwa bertindak ganas menggigit telinga hingga hampir putus dan menggugut untuk memotong kemaluan suaminya memohon maaf di atas semua perbuatan zalimnya terhadap warga emas itu.

Dia yang hanya mahu dikenali sebagai Thi Quang, 29, kembali ke pangkuan Chin Weng Seng, 61, kelmarin selepas melarikan diri sejak Khamis lalu.

"Saya minta maaf kepada suami. Saya sedar dan sangat menyesal. Saya juga masih sayangkan dia," katanya pada sidang media di Wisma MCA di sini semalam.



Pada masa sama Quang menceritakan, ketika kejadian itu, dia baru lepas minum arak dan telah berlaku perselisihan faham berikutan dia menolak

permintaan suaminya untuk mengadakan hubungan seks.

Dalam kejadian itu, dia mengaku telah mengugut untuk memotong kemaluan sua-

minya dan telah menakutkan lelaki itu dengan mendakwa kononnya menghidap HIV tetapi tidak benar.

Weng Seng yang bekerja sebagai pemandu teksi sebelum ini mendakwa, hasratnya untuk mengakhiri zaman bujang bersama wanita dipilinya melalui ejen tidak menjadi kenyataan sebaliknya dia menderita kerana isterinya itu seorang yang ganas.

Bagaimanapun, dalam pertemuan semalam, Weng Seng berkata, dia sedia memaafkan perbuatan isterinya dan yakin Quang tidak tergamak mengulangi perbuatan itu lagi kerana telah diberi amaran oleh polis sebelum ini.